

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT , PENGGAL KEFOUR  
PARLIMEN KEELEVEN**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 Ogos 2007**

**SOALAN**

Y.B. Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan keputusan mahkamah rayuan terkini memutuskan bahawa Seksyen 97(2) Akta Kanak-Kanak 2001 adalah melanggari Perlembagaan Persekutuan dan tiada hukuman diperuntukkan bagi kesalahan membunuh yang disabitkan terhadap kanak-kanak, apakah tindakan susulan akan dibuat oleh Kerajaan untuk meminda Akta berkenaan di Parlimen.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang dalam proses meminda Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan peruntukan-peruntukan di dalam Akta tersebut selaras dengan keperluan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan perkembangan masa kini. Berhubung dengan Seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001, pihak Kementerian amat berhati-hati mengenai cadangan yang dikemukakan dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Jabatan Peguam Negara, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan stakeholders yang lain bagi mencadangkan penyelesaian yang komprehensif dan holistik demi kepentingan kanak-kanak.

